




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

9 MAC 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 1,352 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 355,892 kes. Sebanyak 18 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu enam (6) kes di Kota Belud, tiga (3) kes di Kota Kinabalu, dua (2) kes di Lahad Datu dan masing-masing satu (1) di Sandakan, Tambunan, Kota Marudu, Kinabatangan, Keningau, Tuaran serta Beluran. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 2,532 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 322,114 orang. Manakala 1,251 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 837 orang di hospital, 395 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 16 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara dan tiga (3) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 53 orang merangkumi 47 di ICU/repurposed kritikal care serta enam (6) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 22 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada Perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah jangkitan baharu di negeri Sabah kembali naik hari ini dengan 1,352 kes, peningkatan sebanyak 136 kes berbanding semalam.
- b. Seperti juga semalam, 15 daerah mencatatkan peningkatan kes baharu dengan tiga (3) daripadanya merekodkan peningkatan yang ketara iaitu Kota Kinabalu +81 kes, Tuaran +31 kes dan Lahad Datu +27 kes. Pertambahan jumlah kes yang agak banyak di beberapa daerah yang merekodkan kes dua (2) angka kelmarin adalah isyarat jelas akan berlaku pertambahan kes-kes baharu dalam masa terdekat.
- c. Peratusan kes-kes sporadik yang tinggi (60.65% hari ini) di 22 daripada 27 daerah di Sabah juga satu petanda Sabah belum sampai ke fasa stabil dan akan berlaku trend turun-naik secara mendadak jumlah kes harian. Hanya 12 daerah mencatatkan penurunan kes harian hari ini.
- d. Tuaran kembali mencatatkan kes tiga (3) angka (113 kes) hari ini bersama Kota Kinabalu 365 kes, Penampang 119 kes, dan Papar 111 kes. Jumlah daerah yang mencatatkan kes dua (2) angka ialah 18 daerah. Lima (5) daerah lagi, iaitu Kinabatangan, Kunak, Telupid, Kalabakan dan Semporna mencatatkan kes satu (1) angka.
- e. Sebanyak 1,340 atau 99.12% daripada 1,352 kes-kes baharu hari ini adalah dalam Kategori 1 dan 2, tiga (3) kes dalam Kategori 3, tujuh (7) kes dalam Kategori 4 dan dua (2) kes dalam Kategori 5.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	0	0.00%
2	Kontak	373	27.59%
3	Bergejala	820	60.65%
4	Bersasar	0	0%
5	Lain-lain Saringan	159	11.76%
JUMLAH		1,352	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (8 Mac 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 08/03/2022	Catatan Kes 09/03/2022	Perbandingan
1	Kota Kinabalu	284	365	+81
2	Tuaran	82	113	+31
3	Lahad Datu	12	39	+27
4	Tenom	39	58	+19
5	Ranau	17	36	+19
6	Tongod	0	12	+12
7	Kuala Penyu	27	38	+11
8	Kunak	0	6	+6
3	Beaufort	43	48	+5
10	Sipitang	32	36	+4
11	Nabawan	8	12	+4
12	Pitas	15	18	+3
13	Kalabakan	1	3	+2
14	Papar	110	111	+1
15	Kota Marudu	32	33	+1
16	Telupid	23	4	-19
17	Penampang	137	119	-18
18	Kudat	31	18	-13
19	Keningau	75	64	-11
20	Putatan	39	30	-9
21	Kota Belud	47	38	-9
22	Tawau	51	47	-4
23	Kinabatangan	11	8	-3
24	Sandakan	49	48	-1
25	Beluran	14	13	-1
26	Tambunan	34	33	-1
27	Semporna	3	2	-1
JUMLAH		1,216	1,352	+136

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	110	199	0	56	365	10,898
Penampang	0	23	94	0	2	119	2,888
Tuaran	0	59	50	0	4	113	2,720
Papar	0	31	76	0	4	111	2,251
Keningau	0	23	36	0	5	64	1,438
Tenom	0	14	40	0	4	58	844
Sandakan	0	8	40	0	0	48	1,106
Beaufort	0	1	39	0	8	48	1,342
Tawau	0	6	36	0	5	47	1,373
Lahad Datu	0	2	19	0	18	39	679
Kota Belud	0	9	22	0	7	38	1,418
Kuala Penyu	0	14	18	0	6	38	598
Ranau	0	7	19	0	10	36	543
Sipitang	0	6	28	0	2	36	646
Kota Marudu	0	15	10	0	8	33	786
Tambunan	0	6	22	0	5	33	500
Putatan	0	7	22	0	1	30	1,586
Pitas	0	9	6	0	3	18	348
Kudat	0	3	12	0	3	18	355
Beluran	0	9	3	0	1	13	292
Tongod	0	0	11	0	1	12	205
Nabawan	0	4	6	0	2	12	294
Kinabatangan	0	2	5	0	1	8	222
Kunak	0	2	3	0	1	6	148
Telupid	0	3	1	0	0	4	304
Kalabakan	0	0	2	0	1	3	86
Semporna	0	0	1	0	1	2	83
JUMLAH	0	373	820	0	159	1,352	33,953

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 3,903 unit

- Hospital 1,746 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 1,917 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 212 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 32.05%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 09 MAC 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	1,336
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	3
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	3
Orang Dalam Tahanan /Banduan	10
Jumlah	1,352

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Oman	1
Turki	2
Jumlah	3

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Sarawak	1
Melaka	2
Jumlah	3

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	1,317
Bukan Malaysia	35
Jumlah	1,352

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	99
Belum Menerima Vaksin (5-11)	55
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	102
Menerima 1 Dos	24
Lengkap 2 Dos	493
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	579
Jumlah	1,352

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	20
1-4	79
5 -11	77
12-17	63
18-29	338
30-39	327
40-49	184
50-59	111
60-69	77
70-79	58
80-89	17
>90	1
Jumlah	1,352

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 8 Mac 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 11,320 orang. Daripada jumlah ini, seramai 9,279 orang adalah penduduk dewasa, 152 orang adalah penduduk remaja 1,889 orang adalah penduduk kanak-kanak.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 8 Mac 2022 adalah seramai 2,530,950 orang. Ini meliputi 2,129,437 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 78.39% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,403,084 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,087,422 orang atau 76.84% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 331,612 orang atau 77.81% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 315,662 atau 74.06% orang setakat ini.
- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 69,901 atau 16.99% orang telah menerima 1 dos vaksin manakala penduduk kanak-kanak yang telah lengkap dos vaksin ialah 1 atau 0.00% orang.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **683,900** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

- 1 Sebanyak tiga (3) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan oleh PDRM seluruh Sabah.
 - Tiga (3) Orang : Individu Gagal Memakai Pelitup Muka.
- 2 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 192 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 56 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 3 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 1115 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT. Tiada notis/amaran dikeluarkan oleh PBT.
 - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 550 premis perniagaan dan 924 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun melanggar SOP Covid-19 dikeluarkan oleh DBKK.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 45 Premis Perniagaan melibatkan 25 anggota APM.
- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 129 anggota.

- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di dua (2) premis, melibatkan dua (2) buah BBP pada hari ini.
- 7 Sejumlah 92 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lapan (8) daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 314 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.6%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kunak	98.8%
2	Kota Kinabalu	98.7%
3	Penampang	98.7%
4	Keningau	98.6%
5	Beluran	98.6%
6	Sipitang	98.6%
7	Kinabatangan	98.6%
8	Kudat	98.6%
9	Tenom	98.5%
10	Kota Marudu	98.5%
11	Kota Belud	98.5%
12	Beaufort	98.5%
13	Sandakan	98.5%
14	Tuaran	98.5%
15	Papar	98.5%
16	Tawau	98.5%
17	Lahad Datu	98.5%
18	Semporna	98.5%
19	Ranau	98.5%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II